



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI KELANTAN**

Aras 2, Blok A
Bangunan Kerajaan Persekutuan
Jalan Doktor
15990 Kota Bharu
KELANTAN

Tel. : 09-746 0200
Faks. : 09-747 5484
Laman web : www.anm.gov.my

Ruj. Kami: JANMKEL. 100-1/3/1()
Tarikh: 11 Disember 2023
27 Jamadil Awal 1445

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan/
Ketua Pusat Tanggungjawab**

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan

**PEMAKLUMAN SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
(SPANM) BILANGAN 5 TAHUN 2023 – TATACARA PENGURUSAN BAYARAN**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah mengeluarkan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 5 Tahun 2023 – Tatacara Pengurusan Bayaran bertarikh 30 Oktober 2023. Surat pekeling ini bertujuan untuk memberi garis panduan kepada Kementerian/Jabatan mengenai tatacara pengurusan bayaran Kerajaan Persekutuan selaras dengan pelaksanaan perakaunan akruan dan Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023) bagi memastikan pengurusan bayaran Kerajaan Persekutuan diperakaunkan dengan tepat dan betul dalam tempoh masa yang ditetapkan.

3. Untuk makluman pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan, SPANM Bilangan 5 Tahun 2023 boleh dimuat turun melalui Portal JANM (www.anm.gov.my) untuk rujukan selanjutnya. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ia dikeluarkan dan pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeling ini dipatuhi.

4. Dengan berkuat kuasanya surat pekeling ini, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) dan dokumen berikut adalah **dibatalkan**:

- 4.1 Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 7 Tahun 2018 rujukan ANM(T) 81/10/6/10 (47) bertarikh 24 Oktober 2018 berkaitan Tatacara Pengurusan Bayaran;
- 4.2 Soalan Lazim (FAQ) Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 7 Tahun 2018 rujukan JANM.BKP.600-14/1/11Jld.2(10) bertarikh 3 Februari 2021 berkaitan Tatacara Pengurusan Bayaran; dan
- 4.3 Perenggan 3 dan 4 Soalan Lazim (FAQ) Penyelenggaraan Laporan Kewangan Dan Perakaunan rujukan JANM.BKP.600-14/1/11 Jld.4 (7) bertarikh 24 Jun 2022 berkaitan Tatacara Pengurusan Bayaran.

...2/-

JANMKEL. 100-1/3/1(1)

5. Segala kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ZULKIFLI BIN ZAHAR C.A.(M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Kelantan